

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD
[LIPIS]

TARIKH : -

SOALAN

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad minta MENTERI
TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan usaha-usaha
Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan masalah air di Parlimen Lipis
yang telah berlarutan sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi tujuan menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Parlimen Lipis, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan berjumlah RM50,300,000.00 bagi dua projek iaitu Bekalan Air Lipis dengan jumlah RM15,000,000.00 dan Program Mengurangkan Kehilangan Air Yang Tidak Berhasil Secara Holistik (NRW) berjumlah RM35,300,000.00. Projek-projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP).
2. Kerja-kerja di bawah Program NRW telahpun bermula pada 2 Januari 2014 dan dijangka siap pada 28 Disember 2016 dengan kos kontrak bernilai RM32,863,333.00. Hingga kini, kemajuan kerja telahpun mencapai 69 peratus. Dengan siapnya projek ini, kadar kehilangan air bagi Daerah Lipis dapat dikurangkan dan seterusnya meningkatkan rizab kapasiti bekalan air. Begitu juga dengan masalah kebocoran paip dapat dikurangkan melalui kerja-kerja mengesan dan membaiki kebocoran paip sedi ada.

3. Di bawah projek Bekalan Air Lipis, satu kontrak bagi kajian bekalan air untuk keseluruhan Daerah Lipis telah bermula pada 2 Januari 2016 dan dijangka siap pada 2 Julai 2016 dengan kos kontrak sebanyak RM667,704.70. Kajian ini bertujuan untuk merancang keperluan bekalan air bagi Daerah Lipis hingga tahun 2030, mengenal pasti sumber bekalan baharu dan menyediakan program bagi meningkatkan mutu bekalan air.

4. Melalui peruntukan RMK-11 juga, Pengurusan Air Pahang Berhad telah merancang untuk meningkatkan keupayaan Loji Rawatan Air Jelai dengan menyediakan satu tangki sedutan baharu, pembinaan rumah pam dan pemasangan paip penghantaran ke tangki Bukit Bius. Cadangan projek ini masih di peringkat penyediaan reka bentuk, dokumen tender dan tawaran tender. Tawaran tender dijangka akan dikeluarkan pada akhir bulan Mac 2016.
